



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JR/57/2022**

Tajuk Sebut Harga :

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN BAGI MEREKA BENTUK, MENERBIT DAN MENCETAK BUKU 'VISUAL TOUR GUIDE: PUTRAJAYA ARCHITECTURE' UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (KKM/MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di bawah Kod Bidang **221601** (Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar) dan **221615** (merekabentuk) untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada **7 November 2022, jam 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 5, Blok D**. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan** adalah **DIWAJIBKAN** (sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan dan Cap Syarikat**).
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **7 November 2022** hingga **9 November 2022** dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **14 November 2022**.
6. Kontraktor/Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.


(SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT)

NAIB PRESIDEN
Jabatan Perancangan Bandar
Perbadanan Putrajaya